



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA  
SURAT PEKELILING BIL. 1/2026**

1 MAC 2026

Kepada:  
Semua Penganjur Program / Penyedia Latihan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN KADAR FI PEMROSESAN PERMOHONAN MATA KREDIT  
CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada penganjur program CPD / penyedia latihan mengenai pindaan kadar fi pemprosesan permohonan mata kredit "Continuing Professional Development" (CPD).

Pindaan ini bertujuan untuk menampung kos pengurusan pentadbiran yang semakin meningkat.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 4hb Februari 2026 telah memutuskan untuk meminda kadar fi pemprosesan bagi setiap permohonan mata kredit CPD daripada penganjur program luar/penyedia Latihan.

**3.0 PINDAAN TERHADAP KETETAPAN KEPERLUAN PENDAFTARAN**

Berikut adalah kadar fi pemprosesan baharu yang akan berkuat kuasa bagi semua permohonan yang diterima bermula pada **1hb Mac 2026**: -

| Kategori Permohonan                  | Kadar Lama (RM) | Kadar Baharu (RM) |
|--------------------------------------|-----------------|-------------------|
| Kursus Dalaman (In House Training)   | 0.00            | 50.00             |
| Setengah Hari (1/2 Day)              | 50.00           | 100.00            |
| Satu Hari (1 Day)                    | 200.00          | 250.00            |
| Satu Setengah Hari (1 1/2 Day)       | 250.00          | 300.00            |
| Dua Hari atau lebih (2 days or more) | 300.00          | 350.00            |

**5.0 PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN**

Ketetapan-ketetapan di atas adalah berkuat kuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini.

Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara rasmi dari semasa ke semasa.

"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar,



**Sr NORAISAH BINTI KADIRIN, CQS**  
Yang DiPertua  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia  
Tarikh: 01.03.2026